

15 MAR 1996

Mahathir - MBKS

PENGHUNI BANDAR PERLU LEBIH DISIPLIN, KATA MAHATHIR

KUCHING, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penghuni pekan atau bandaraya perlu lebih berdisiplin kerana tidak ada pihak berkuasa bandaraya atau pekan yang mampu menjaga kebersihan sesebuah bandar 24 jam sehari.

Mereka mesti belajar menjaga kebersihan diri kerana pihak berkuasa hanya mampu menyediakan perkhidmatan mengangkut sampah, katanya ketika merasmikan bangunan Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) berharga RM55 juta di sini.

Beliau berkata: "Kita harus belajar untuk menguruskan sampah kita sendiri dan tidak sekadar mencampakkannya ke luar tingkap atau kereta.

"Apabila kita mempunyai wang adalah mudah untuk membina sebuah bandaraya yang cantik tetapi agak sukar untuk menjaga kebersihannya."

Sambil menekankan pentingnya disiplin, Dr Mahathir berkata orang ramai kurang berdisiplin apabila mereka tinggal dalam sebuah masyarakat besar.

Beliau berkata: "Orang yang lebih berdisiplin dalam menjaga kebersihan selalunya tinggal di perkampungan kecil tetapi apabila masyarakat semakin berkembang mereka mula tinggal dalam masyarakat besar."

Apabila tinggal dalam sebuah masyarakat besar, perlu ada sistem peraturan dalam kehidupan mereka, katanya.

Dr Mahathir berkata tanah perlu dikorbankan untuk melanskapkannya dan menukarkannya menjadi taman walaupun ia sangat berharga.

Orang ramai juga mahu melihat jalan raya yang lebih lebar dan baik, ditanam dengan pokok agar mereka boleh berjalan di tempat teduh, kata beliau.

Beliau mencadangkan supaya Malaysia mencontohi Perancis yang cekap dalam perancangan bandaraya.

Dr Mahathir berkata rekabentuk bangunan masa kini perlu disesuaikan dengan perkembangan zaman supaya ia bersesuaian dan tidak nampak hodoh pada pandangan masyarakat.

Katanya, rekabentuk bangunan terutama di Kuala Lumpur menyerupai bangunan-bangunan indah di Eropah tetapi di dalamnya menyerupai penjara.

Beliau berkata arkitek tempatan mencipta bangunan yang cantik tetapi melupakan tentang perkara-perkara kecil seperti "tempat meletakkan pendingin hawa" sehingga ia diletakkan di mana-mana sahaja mengakibatkan ia kelihatan hodoh.

Katanya, arkitek tempatan perlu menggunakan kepandaian dan kebijaksanaan mereka untuk mencipta bangunan atau rumah terutama di bandar.

-- BERNAMA

RDY AKD